

FAKULTI PERTANIAN LESTARI

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:-

Pejabat Am

Fakulti Pertanian Lestari
Tel : 6089 - 248 100
Faks : 6089 - 220 703
E-mel : peifpl@ums.edu.my

Pengenalan

Fakulti Pertanian Lestari yang ditubuhkan pada 4 Mei 2006 dengan matlamat untuk melatih modal insan dalam bidang pengeluaran tanaman, hortikultur dan landskap dan pengeluaran ternakan. Modal insan terlatih ini akan membantu menaikkan bidang pertanian negara berdasarkan 3 prinsip utama iaitu kelestarian, kepekaan dan teknologi tinggi. Fakulti ini bercita-cita untuk cemerlang dalam bidang pertanian melalui aktiviti penyelidikan inovasi dan perkembangan pertanian serta menyebarkan ilmu terkini dalam pertanian.

Visi

Fakulti Pertanian Lestari bertekad menjadi sebuah pusat pengajian ilmu pertanian terkemuka di rantau ini yang menekankan kepada prinsip kelestarian, kepekaan dan teknologi tinggi.

Misi

Fakulti Pertanian Lestari bertekad untuk melahirkan graduan yang memiliki ilmu pengetahuan seimbang dalam bidang pertanian yang menepati piawaian pertanian antarabangsa melalui pengajaran dan pembelajaran, penerbitan dan penglibatan dalam komuniti.

Objektif

- Melatih dan membangun tenaga kerja yang berpengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian bagi membantu meningkatkan produktiviti pertanian negara melalui pengajaran, pembelajaran dan bimbingan yang efektif.
- Menggalakkan dan mendedahkan pelajar dalam penyelidikan dan pembangunan pertanian.
- Mewujudkan pusat rujukan ilmu pertanian melalui penyediaan khidmat makmal dan ladang pertanian yang lengkap dan berteknologi tinggi serta secara tidak langsung, menggalakkan perkembangan penyelidikan pertanian yang komprehensif dan terfokus.
- Menyampaikan dan mengaplikasi hasil penyelidikan kepada masyarakat dan pihak berkepentingan melalui media massa, dokumentasi visual, seminar, persidangan dan penerbitan.

Program Pengajian

HG34 PENGELUARAN TANAMAN

Program Pengeluaran Tanaman bertujuan untuk melatih tenaga manusia dalam bidang pengeluaran tanaman untuk membantu meningkatkan produktiviti pertanian nasional. Teknik serta kemajuan terkini dalam pengeluaran dan pengurusan makanan seperti padi, jagung, ubi kayu, sagu dan sebagainya serta tanaman industri seperti kelapa sawit, getah, koko, kelapa yang terhasil dari penyelidikan kontemporari akan disebarluaskan kepada pelajar.

Pospek Kerjaya

Agronomis, Pegawai Pertanian, Usahawantani, Pengurus Ladang, Pegawai Pengembangan, Penyelia Ladang, Pensyarah, Saintis

HG35 HORTIKULTUR DAN LANDSKAP

Program Hortikultur dan Landskap merupakan gabungan antara seni dan sains dalam pengeluaran, penggunaan dan pemeliharaan tanaman hortikultur, sayur-sayuran, buah-buahan, tumbuhan hiasan dan herba. Program ini bertekad untuk menghasilkan graduan berkemahiran yang mampu menyumbangkan pengetahuan saintifik dan teknikal ke arah kelestarian pengeluaran tanaman, peningkatan alam sekitar dan kecekapan dalam menangani cabaran di dalam industri hortikultur.

Pospek Kerjaya

Hortikulturis, Pereka Landskap, Konsultan Landskap, Pegawai Kuarantin, Pegawai Pertanian, Pengawal Makhluk Perosak, Pemiabkaka Tanaman, Pensyarah, Penyelidik, Saintis

HG36 PENGELUARAN TERNAKAN

Program Pengeluaran Ternakan bertujuan memberi latihan melalui ilmu pengetahuan dan pembangunan kemahiran terkini dalam pelbagai bidang pengeluaran ternakan untuk membantu mempertingkatkan produktiviti dan saingan di sektor penternakan tempatan dan global. Tumpuan pengajaran dan penyelidikan adalah pada teknologi-teknologi pembiakbaikan baka, fisiologi dan teknik pembiakan, pemakanan haiwan, penyakit dan kesihatan dan pemprosesan hasil ternakan. Melalui program ini graduan akan lebih peka pada isu dan masalah dalam pengeluaran ternakan. Graduan juga akan terlibat dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran produk ternakan yang bermutu dan selamat.

Pospek Kerjaya

Pegawai Ternakan, Pengurus Ladang Ternakan, Pegawai Kuarantin, Pemiabkaka Ternakan, Pedagang Ternakan, Pengurus Kawalan Kualiti Pemprosesan Makanan, Pegawai Kawalan Kualiti Makanan Ternakan, Konsultan Penternakan, Pensyarah, Penyelidik, Saintis.

TENAGA PENGAJAR

www.ums.edu.my/fpl/